

JBPM pandang serius korban di air yang tinggi berbanding kes maut terbakar 150 orang **700 mangsa mati lemas tahun 2017**

Oleh YATIMIN ABDULLAH

KOTA BHARU – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mendedahkan seramai 700 orang mati lemas di seluruh negara pada tahun lalu berbanding angka korban akibat kebakaran dalam tempoh sama hanya 150 mangsa.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, jumlah kematian dalam

air amat tinggi dan JBPM memandang serius perkara tersebut kerana ia melibatkan soal nyawa.

“Kita memberi perhatian serius dalam perkara ini dan sentiasa mengadakan Kempen Keselamatan Di Air terutama kepada pelajar sekolah kerana ke-



WAN MOHD. NOR

nyakan mangsa lemas berusia 18

tahun ke bawah.

“Kes lemas dilihat sebagai kes traumatik dan sering kali berlaku ketika perkelahan keluarga,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Perkhidmatan Terpuji Tahun 2017 ke-

pada 126 pegawai dan anggota agensi itu di sini semalam.

Menurut beliau, pihaknya bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan meletakkan papan tanda amaran terutama di kawasan tumpuan awam seperti tasik, sungai, air terjun dan pantai.

Katanya, pada tahun ini sahaja sebanyak 12 kematian akibat lemas dicatatkan di Kelantan sejak Januari hingga kelmarin.

Selain itu, jelas Wan Mohd. Nor, pihaknya juga sudah mengenal pasti beberapa kawasan berisiko tinggi berlakunya lemas di seluruh negara.

“Sesebuah kawasan yang meragut lebih lima nyawa akan terus diwartakan sebagai berisiko lemas,” kata beliau tetapi tidak memperincikan kawasan yang disifatkan berisiko tinggi berlakunya kejadian lemas tersebut.